

PM - PENIAGA

1983

ALOR STAR, 24 OKT (BERNAMA)-- DATUK SERI DR.MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENGINGATKAN PARA PENIAGA DAN PENGUSAHA BUMIPUTERA SUPAYA MEMENTINGKAN SIFAT-SIFAT AMANAH DAN DISIPLIN UNTUK MENJAMIN KEJAYAAN DALAM BIDANG TERSEBUT.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN SELAGI MEREKA TIDAK MEMPUNYAI DISIPLIN ATAU SIFAT AMANAH, SELAMA ITULAH PIHAK LAIN TIDAK MEMPUNYAI KEYAKINAN TERHADAP MEREKA.

BERUCAP MERASMIKAN YAYASAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU KEDAH DI SINI, BELIAU BERKATA ADALAH TIDAK MEMADAI SEKIARANYA SESEORANG PENIAGA ITU CEKAP DALAM SOAL URUSAN BERNIAGA TETAPI TIDAK AMANAH, BERDISIPLIN DAN TIDAK DAPAT BERJIMAT.

+PIHAK BANK, UMPAMANYA, TIDAK AKAN MEMPUNYAI KEYAKINAN TERHADAP SESIAPA YANG TIDAK MEMPUNYAI SIFAT-SIFAT AMANAH,+ KATANYA.

BELIAU JUGA MENYEBUT BAHAWA AMANAH JUGA PERLU WUJUD DARI KALANGAN PEKERJA-PEKERJA DAN INI HANYA BOLEH DIWUJUDKAN SEKIARANYA TUANPUNYA SESUATU PERUSAHAAN ITU MEMPUNYAI NILAI YANG SAMA.

-- LAGI 0017/MB

ZCZC B708

PM - PENIAGA 2 ALOR STAR

DATUK SERI DR.MAHATHIR, YANG PERNAH MENJADI YANG DIPERTUA DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU KEDAH, MENGANGGAP SIFAT-SIFAT TERSEBUT SEBAGAI KUNCI KEJAYAAN UNTUK PARA PENIAGA, LEBIH-LEBIH LAGI DARI KALANGAN BUMIPUTERA KERANA IA DAPAT MENJAMIN YANG MEREKA DAPAT +BERDIRI SAMA TINGGI DAN DUDUK SAMA RENDAH +DENGAN RAKAN-RAKAN MEREKA DARI KALANGAN BUKAN BUMIPUTERA.

KEPADA PARA PENGUSAHA DAN PENIAGA BUMIPUTERA YANG TELAH BERJAYA, BELIAU BERHARAP MEREKA MEMBERI BANTUAN DAN BIMBINGAN KEPADA MEREKA YANG BARU MENCEBURKAN DIRI DALAM BIDANG TERSEBUT, TERUTAMA MEREKA DARI LUARBANDAR.

+BANTUAN DAN BIMBINGAN SEPERTI INI AMAT PERLU KERANA PARA PENIAGA-PENIAGA KECIL DARI LUARBANDAR BELUM MEMPUNYAI KEYAKINAN YANG CUKUP,+ KATANYA.

BAGI PIHAK KERAJAAN, DATUK SERI DR.MAHATHIR BERJANJI BAHAWA USAHA-USAHA MEMBANTU PENIAGA BUMIPUTERA AKAN DITERUSKAN.

KERAJAAN SEDAR BAHAWA PENDUDUK-PENDUDUK LUARBANDAR TIDAK DAPAT MENAMPUNG SARA HIDUP YANG SEMAKIN TINGGI HANYA DENGAN MENGAMALKAN KERJA-KERJA +KAMPUNG+ SEMATA-MATA. -- LAGI 0025/MB

ZCZC B709

PM - PENIAGA 3 ALOR STAR

SALAH SATU CARA YANG BERKESAN KE ARAH INI IALAH DENGAN MELIBATKAN MEREKA DALAM INDUSTRI-INDUSTRI KECIL SEPERTI MENGHASILKAN BARANG-BARANG DARI BULUH, ROTAN ATAU SERPIHAN KAYU, KATANYA.

DATUK SERI DR.MAHATHIR BERKATA INDUSTRI KECIL DI NEGARA INI MEMPUNYAI POTENSI YANG BAIK KERANA BAHAN-BAHAN YANG DIHASILKAN ITU MENDAPAT SAMBUTAN YANG BAIK DALAM PASARAN-PASARAN TEMPATAN DAN LUAR NEGERI.

BELIAU BERHARAP SATU USAHA YANG TERSUBUN DAPAT DIBUAT UNTUK MENGELUARKAN HASIL-HASIL DARI KAMPUNG, IAITU BAGI MELIPUTI PENGELUARAN CARA MODEN HINGGA KE PERINGKAT PASARAN YANG TERJAMIN.

UNTUK ITU, DATUK SERI DR.MAHATHIR MENASIHATKAN PENDUDUK-PENDUDUK LUARBANDAR SUPAYA MENYEMAI SEMANGAT INGIN BERUSAHA SECARA PERKONGSIAN.

+INI AKAN DAPAT MENENTUKAN BAHAWA KITA BOLEH MENGELUARKAN BARANG-BARANG YANG MENCUKUPI DAN DENGAN ITU DAPAT MEMENUHI PERMINTAAN-PERMINTAAN YANG BANYAK,+ KATANYA.

SEBELUM ITU, YANG DIPERTUA DEWAN TERSEBUT, HAJI HANAFI RAMLI BERKATA MELALUI YAYASAN TERSEBUT USAHA MEMAJUKAN MASYARAKAT PENIAGA DAN PENGUSAHA BUMIPUTERA AKAN DIGIATKAN LAGI.

LEBIH \$285,000 TELAH DIKUTIP UNTUK YAYASAN ITU HASIL DARI DERMA-DERMA SEMPENA PELANCARANNYA. -- BERNAKA 0045/MB